

Kerajaan Melaka: Ali Rustam dijadual temui PM Isnin

UM - 5 DEC 1999

MELAKA 4 Dis. -- Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd. Ali Mohd. Rustam dijadual berjumpa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Isnin ini untuk mendapatkan pandangan sebelum melantik barisan anggota Exco negeri.

Katanya, semua wakil rakyat yang memenangi pilihan raya lepas boleh bekerja dan layak menjadi anggota Exco, tetapi oleh kerana jumlahnya terhad ia perlu dipilih di kalangan mereka yang paling sesuai.

"Kita akan membuat pertimbangan setelah mengkaji setiap aspek sebelum melantik Exco negeri ini," katanya kepada pemberita selepas diwawancara oleh Radio Malaysia Melaka di Kompleks RTM di sini, hari ini.

Sementara itu, katanya kemerosotan undi kemenangan yang diperoleh oleh calon-calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan lepas tidak menggambarkan bahawa majoriti rakyat menolak kerajaan.

Antara sebab kemerosotan undi kemenangan itu ialah pertandingan satu lawan satu antara calon BN dan pembangkang berbanding perlawanan tiga penjuror di kebanyakan kawasan pada pilihan raya 1995, katanya.

Selain itu, kata Mohd. Ali, rakyat terkeliru mengenai isu agama yang dimainkan oleh Pas sementara Parti Keadilan Nasional (Keadilan) pula menggunakan kes Anwar Ibrahim untuk menarik simpati.

BN tidak sempat menerangkan secara menyeluruh kepada rakyat untuk menangkis kempen-kempen pembangkang yang telah memainkan isu itu setahun lebih awal, katanya.

Mengenai kekalahan BN di Dewan Undangan Negeri Bachang, beliau menjelaskan, ia disebabkan tiada penyelarasan antara jentera parti komponen BN selain keyakinan bahawa kerusi tersebut terselamat.

Kekalahan BN kepada DAP di Bachang itu tidak menggambarkan BN telah hilang sokongan, kata Mohd. Ali.

Calon BN di kawasan tersebut, Datuk Chua Peng Song yang juga Pengerusi Gerakan negeri tewas dengan kekurangan 41 undi.

Sementara itu, Mohd. Ali menyatakan, kerajaan negeri pimpinan beliau akan memberi tumpuan utama kepada sektor pelancongan dan industri bagi menjana pembangunan ekonomi negeri ini.